



**UNDANG-UNDANG KECIL STOR KAYU DAN
KERJA KAYU (MJB) 2003**

*Timber Store and Woodworking
(Johor Bahru City Council) By-Laws 2003*



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48
No. 10

6hb Mei 2004

TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN

J. P.U. 37.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL STOR KAYU DAN KERJAKAYU
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Stor Kayu dan Kerjakayu (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2003 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain —

“bengkel perabot” ertinya mana-mana premis di mana perabot kayu, disimpan atau dipamerkan untuk tujuan perniagaan;

“bengkel tukang kayu” ertinya mana-mana premis di mana kayu berpotong dibentuk dengan tangan atau dengan menggunakan jentera mudahalih;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru;

"kayu berpotong" ertinya balak bergergaji dan kayu berketam yang dimaksudkan untuk tujuan perniagaan, selain daripada kayu yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai kayu api;

"kilang kayu halus" ertinya mana-mana premis di mana jentera berat digunakan untuk membentuk kayu berpotong;

"kilang papan" ertinya mana-mana premis di mana kayu berpotong digergaji dengan gergaji bulat atau gergaji gulung berjentera atau di mana apa-apa bentuk pemrosesan kayu atau pengilangan venir, papan lapis, papan serpai, parket atau lain-lain keluaran kayu ada dijalankan;

"stor kayu" ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk menyimpan kayu berpotong, venir, papan lapis atau papan serpai dan termasuk kerjakayu seseorang pembina, tetapi tidak termasuk stor seseorang kontraktor di atas tapakbina bangunan di mana kayu disediakan dan direka untuk digunakan bagi mendirikan bangunan di atas tapakbina itu;

"yad kayu" ertinya mana-mana premis di mana balak atau kayu kasar disimpan.

Lesen dikehendaki

3. Tanah atau bangunan tidak boleh digunakan untuk menyimpan kayu berpotong atau sebagai kilang papan, kilang kayu halus, bengkel tukang kayu atau bengkel perabot kecuali dengan lesen yang diberi oleh Datuk Bandar.

Permohonan mendapatkan lesen dan fee

4. (1) Permohonan untuk mendapatkan lesen atau membaharui lesen hendaklah dibuat dalam borang yang diperuntukan oleh Datuk Bandar.

(2) Fee lesen yang kena dibayar adalah seperti dalam Jadual dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

Tempoh lesen

5. Sesuatu lesen akan tamat tempohnya pada 31hb Disember tiap-tiap tahun melainkan jika diperbaharui.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

6. Sesuatu lesen tidak boleh dipindahmilik.

Syarat terdahulu

7. (1) Sesuatu lesen tidak boleh dikeluarkan melainkan jika Datuk Bandar berpuas hati—

(a) semua perubahan binaan atau lain-lain perubahan kepada premis untuk mengelakkan mudarat atau melindungi daripada kebakaran telah disediakan dengan sempurnanya;

(b) bahawa premis itu dilengkapi dengan kelengkapan menentang kebakaran yang cukup; dan

(c) bahawa ada jalan keluar yang secukupnya untuk memberi peluang yang munasabah kepada semua orang melarikan diri jika berlaku kebakaran.

(2) Sebelum mengeluarkan lesen, Datuk Bandar mungkin menghendaki pemegang lesen supaya memasang di premis itu apa-apa cara gantiudara atau pengasing habuk yang menggunakan jentera sebagaimana dinyatakan oleh Datuk Bandar.

Bangunan tidak boleh digunakan bagi maksud tertentu

8. Tidak seorangpun boleh menggunakan mana-mana bahagian kilang papan, yad kayu, stor kayu, bengkel tukang kayu atau kilang kayu halus—

- (a) bagi maksud tidur atau menyimpan alatan tempat tidur;
- (b) bagi menyimpan atau menggunakan cat, gilap, varnis, spirit yang mudah terbakar atau lain-lain bahan mudah terbakar;
- (c) sebagai bilik rehat; atau
- (d) bagi maksud menyediakan atau memasak makanan,

kecuali mana-mana bahagian yang dibenarkan oleh Datuk Bandar secara bertulis dan dengan apa-apa cara dan tertakluk kepada apa-apa had, sekatan atau langkah awasan yang dinyatakan oleh Datuk Bandar.

Pembakaran habuk kayu dan buangan kayu

9. Seseorang pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana orang membakar habuk kayu atau buangan kayu dalam kawasan premis berlesen melainkan jika pembakaran itu dibenarkan oleh Datuk Bandar.

Menyimpan kayu berpotong

10. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan yang semua kayu berpotong di premis berlesen itu disimpan atau dilonggokkan dengan cara kemas dan teratur hingga memuaskan hati Datuk Bandar dan dengan sedemikian cara supaya tidak menghalangi jalan masuk, jalan keluar atau laluan.

Penalti

11. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Kuasa mengkompaun

12. (1) Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini dengan sejumlah wang tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Pembayaran boleh diserahkan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi jika dihantar dengan pos, hendaklah dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

(5) Borang dalam Jadual Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Johor Bahru) Kerajaan Tempatan 1987 [J.P.U. 1/1989], hendaklah digunakan bagi mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

JADUAL

[Undang-Undang Kecil 4(2)]

FEE

| | RM setahun |
|---|------------|
| 1. Kilang papan | 2,500.00 |
| 2. Yad kayu | 1,000.00 |
| 3. Stor kayu: | |
| (a) Luas lantai tidak lebih daripada 138 meter persegi. | 300.00 |
| (b) Luas lantai lebih daripada 138 meter persegi tetapi tidak lebih daripada 276 meter persegi. | 500.00 |
| (c) Luas lantai lebih daripada 276 meter persegi. | 700.00 |
| 4. Bengkel tukang kayu | 200.00 |
| 5. Jualan perabot: | |
| (a) Luas lantai tidak lebih daripada 138 meter persegi. | 300.00 |
| (b) Luas lantai lebih daripada 138 meter persegi tetapi tidak lebih daripada 276 meter persegi. | 500.00 |
| (c) Luas lantai lebih daripada 276 meter persegi. | 700.00 |
| 6. (a) Jualan terompah | 100.00 |
| (b) Pengusahaan terompah | 100.00 |
| (c) Jualan dan pengusahaan terompah | 100.00 |

| | |
|---|--------|
| 7. (a) Kilang kayu halus | 500.00 |
| (b) Pengusahaan perabot | 500.00 |
| (c) Kilang kayu halus dan pengusahaan perabot | 500.00 |

Dibuat pada 13hb Oktober 2003.

[K.T. 24/69/31; MJB/UU/UUK/1/2004; PUNJ. Bil. (PU 2) 7 (21).]

DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN,
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan pada 12hb November 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

TIMBER STORE AND WOODWORKING (JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) BY-LAWS 2003

In exercise of the powers conferred by sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Johor Bahru City Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-laws may be cited as the **Timber Store and Woodworking (Johor Bahru City Council) By-laws 2003** and shall apply only to the Johor Bahru City Council.

(2) These By-laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires —

“carpenter's shop” means any premise where cut timber is fashioned by hand or by the use of portable machinery;

“cut timber” means both sawn logs and dressed timber intended for trade purposes, other than timber intended for use as fire-wood;

“furniture shop” means any premise where wooden furniture is stored or displayed for trade purposes;

“joinery works” means any premise where heavy machinery is used to fashion cut timber;

"Mayor" means the Mayor of the Johor Bahru City Council;

"sawmill" means any premise where cut timber is sawn by mechanically-operated circular or band saws or where any form of processing of timber or manufacturing of veneer, plywood, chipboard, parquet or other timber products is carried out;

"timber store" means any premise used for storing cut timber, veneer, plywood or chipboard and includes a builder's timber works, but does not include a contractor's store on a building site where timber is prepared and fabricated for use in the erection of a building on that site;

"timber yard" means any premise where logs or rough timber are stored.

Licence required

3. No land or building shall be used for the storage of cut timber or as a sawmill, joinery works, carpenter's shop or furniture shop except under a licence granted by the Mayor.

Application for licence and fee

4. (1) Application for the issue or renewal of a licence shall be made in a form to be provided by the Mayor.

(2) The fee payable for a licence shall be in accordance with the Schedule and shall be paid in advance.

Duration of licence

5. A licence unless renewed shall expire on the 31st December in each year.

Licence not transferable

6. A licence is not transferable.

Conditions precedent

7. (1) A licence shall not be issued unless the Mayor is satisfied—

(a) that all structural or other alterations to the premises for the prevention of nuisance or protection against fire have been properly completed;

(b) that the premises are equipped with adequate fire-fighting apparatus; and

(c) that there are sufficient means of egress to afford all persons in the premises a reasonable chance to escape in the event of the outbreak of fire.

(2) The Mayor may before issuing a licence require that such mechanical means of ventilation or dust extraction as may be specified by the Mayor is installed in the premises.

Building not to be used for certain purposes

8. No person shall use any part of a sawmill, timber yard, timber store, carpenter's shop or joinery works—

- (a) for sleeping purposes or the storage of bedding;
- (b) for the storage or application of inflammable paints, polishes, varnishes, spirits or other inflammable materials;
- (c) as a rest room; or
- (d) for the preparation or cooking of food,

except such parts are allowed by the Mayor in writing and in such a manner and subject to such limitations, restrictions, or precautions as the Mayor may likewise specify.

Burning of sawdust and timber waste

9. A licence holder shall not permit any person to burn sawdust or timber waste within the licenced premises unless the burning is permitted by the Mayor. ✓

Storage of cut timber

10. A licence holder shall ensure that all cut timbers in the licenced premises are stored or stacked in a tidy or orderly manner to the Mayor's satisfaction and in such manner that no entrance, exit or passageway is obstructed.

Penalty

11. Any person who contravenes any of the provisions of these By-laws is guilty of an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

Power to compound

12. (1) The Mayor or any officer authorised in writing by the Mayor may in his discretion compound any offence under these By-laws for a sum of money not exceeding five hundred ringgit.

(2) Payment of the sum must be made in cash, or by money order, made payable to the Mayor of the Johor Bahru City Council and crossed "Account Payee Only".

(3) Payment may be delivered personally to the person making the offer to compound, but if sent by post, shall be addressed to the Mayor of the Johor Bahru City Council.

(4) Every payment received must be accounted for as money belonging to the Johor Bahru City Council and an official receipt shall be issued for it to the person to whom the offer to compound was made.

(5) The form in the Schedule of the Local Government Act (Compounding of Offence) (Majlis Perbandaran Johor Bahru) By-Laws 1987 [J.P.U. 1/1989], shall be used for making an offer to compound but may be modified as necessary.

SCHEDULE

[By-law 4(2)]

FEE

| | RM per annum |
|--|--------------|
| 1. Sawmill | 2,500.00 |
| 2. Timber Yard | 1,000.00 |
| 3. Timber store: | |
| (a) Floor area not exceeding 138 square metres. | 300.00 |
| (b) Floor area exceeding 138 square metres but not exceeding 276 square metres. | 500.00 |
| (c) Floor area exceeding 276 square metres. | 700.00 |
| 4. Carpenter's shop | 200.00 |
| 5. Sale of furniture: | |
| (a) Floor area not exceeding 138 square metres. | 300.00 |
| (b) Floor area exceeding 138 square metres but not exceeding 276 square metres. | 500.00 |
| (c) Floor area exceeding 276 square metres. | 700.00 |
| 6. (a) Sale of clogs | 100.00 |
| (b) Manufacture of clogs | 100.00 |
| (c) Sale and manufacture of clogs | 100.00 |
| 7. (a) Joinery works | 500.00 |
| (b) Manufacture of furniture | 500.00 |
| (c) Joinery works and manufacture of furniture | 500.00 |

Made the 13th day of October 2003.

[K.T. 24/69/31; MBBJ/UU/UUK/1/2004; PUNJ. Bil. (PU 2) 7 (21).]

DATO' HAJI WAHID BIN HAJI DAHLAN,
Mayor,
Johor Bahru City Council

Confirmed the 12th day of November 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD,
Clerk of the State Executive Council,
Johor